

09/07/2003

Jaminan Abdullah hapuskan spekulasi

KENYATAAN Timbalan Perdana Menteri bahawa beliau akan meneruskan pelbagai dasar digubal dan dilaksanakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepatutnya menghapuskan ramalan kononnya beliau mahu membuat perubahan dan rombakan terhadap dasar kerajaan. Jawapan tegas Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu, kelmarin, diharap menjawab spekulasi dan mengikis keraguan sesetengah

pihak yang membuat andaian beliau bakal melaksanakan pelbagai dasar baru secara drastik. Spekulasi itu dibuat berikutan peralihan kuasa daripada Dr

Mahathir kepada Abdullah pada Oktober ini. Satu perkara yang kita harus akui adalah Dasar Perpaduan, Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Wawasan 2020 menjadikan Malaysia negara maju berjalan lancar dan banyak memberi manfaat

dan membawa kebaikan kepada rakyat amnya. DEB sebagai contoh banyak membantu meningkatkan taraf dan tahap pencapaian ahli perniagaan Bumiputera selain menambah penyertaan mereka dalam bidang korporat.

Jelas

tidak ada sebab dasar yang telah banyak membawa kemajuan harus diubah.

Sebaik tiba Oktober kelak, kita harus menerima hakikat yang berubah hanyalah pemimpin sedangkan ahli Kabinet dan kerajaan Barisan Nasional terus memegang tampuk pemerintahan. Ia bukan perubahan rejim yang memerlukan rombakan mendadak. Sebagaimana kata Abdullah, di sesetengah negara memang ada pemimpin terdahulu yang begitu ghairah membuat pelbagai

bentuk perubahan dasar hingga mereka sendiri terpaksa ditukar dengan pemimpin lain dalam masa yang singkat. Ini berlaku kerana ada anggapan di

kalangan pemimpin baru, dasar pemimpin sebelum mereka tidak baik dan perlu

diubah sebagai cara menunjukkan kebolehan mereka. Sikap ini menyebabkan tidak ada kesinambungan dan langkah susulan terhadap dasar yang sudah dirancang hingga ada negara gagal dimajukan sebagaimana Malaysia.

Dalam soal dasar luar pula, negara sudah pun mempunyai pendirian tegas terhadap isu antarabangsa termasuk serangan Amerika terhadap Iraq, penderitaan dan masa depan rakyat Palestin serta isu keganasan. Walaupun ditekan oleh Amerika, Malaysia tidak berganjak daripada bantahannya terhadap sikap Washington menyerang Iraq tanpa restu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mungkin apa yang dikatakan akan berubah adalah gaya, cara kerja dan pendekatan Abdullah terhadap sesuatu isu. Ini tidak syak lagi sesuai dengan personaliti beliau dikatakan lahir daripada pendedahan dan pengalaman beliau sebagai pegawai kanan perkhidmatan awam yang penuh diplomasi. Ini tidak dapat dielakkan memandangkan latar belakang pembabitan politik dan pengalaman berbeza di antara beliau dengan Dr Mahathir.